

## PROGRAM PENGURUSAN DAN KETAHANAN KEWANGAN (URUS)

### Soalan Lazim

Soalan Lazim ini dikeluarkan buat kali pertama pada 14 Oktober 2021 dan telah dikemas kini pada 15 November 2021

No	Soalan	Jawapan
<b>A) Umum</b>		
1.	Apakah itu URUS?	<ul style="list-style-type: none"><li>• URUS ialah <b>pakej bantuan holistik</b> untuk membantu peminjam/pelanggan yang terjejas kerana masalah aliran tunai yang berpanjangan akibat COVID-19.</li><li>• Ia menawarkan bantuan bayaran balik dan sokongan pembangunan ketahanan kewangan, merangkumi pelan kewangan peribadi, program pendidikan kewangan serta peluang untuk menambah pendapatan dan mendapatkan sokongan lain melalui rujukan kepada Jaringan Sinergi Sosial.</li></ul>
2.	Siapakah yang <b>layak</b> mendapatkan bantuan di bawah URUS?	<p>Pelanggan/peminjam B50 yang memenuhi <b>semua</b> kriteria berikut semasa tarikh permohonan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Mempunyai pendapatan isi rumah sehingga RM5,880<sup>1</sup>;</li><li>• Kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan sekurang-kurangnya 50%;</li><li>• Pinjaman/pembiayaan telah pun berada di bawah program bantuan bayaran balik sedia ada (seperti Bantuan Bayaran Balik Bersasar, PEMERKASA Plus, PEMULIH, penjadualan dan penstrukturan semula oleh bank dsb) pada 30 September 2021; dan</li><li>• Pinjaman/pembiayaan tanpa tunggakan melebihi 90 hari pada tarikh permohonan URUS.</li></ul> <p>Nota: Pihak bank boleh meminta dokumen yang relevan untuk mengesahkan kelayakan anda.</p>
3.	Apakah <b>pinjaman/pembiayaan</b> yang layak di bawah URUS?	<p>Pinjaman/pembiayaan yang layak di bawah URUS termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pinjaman/pembiayaan perumahan</li><li>• Pinjaman/pembiayaan peribadi (termasuk pinjaman/pembiayaan ASB, pinjaman/pembiayaan pendidikan dsb)</li><li>• Pinjaman/pembiayaan kenderaan</li></ul>

<sup>1</sup> Berdasarkan data pendapatan isi rumah daripada Laporan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 oleh Jabatan Statistik Malaysia.

No	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewa beli</li> <li>• Baki kad kredit/kemudahan kredit pusingan (cth. overdraf/kemudahan kredit dan kredit perdagangan) yang telah ditukar kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh</li> </ul>
4.	Apakah <b>bantuan</b> yang boleh saya dapat di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anda akan menerima <b>pelan kewangan peribadi</b> yang menyatakan jumlah bayaran balik bulanan yang dijadualkan sehingga 24 bulan. Ia meliputi: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Pengecualian faedah/keuntungan untuk tempoh 3 bulan dan/atau;</li> <li>○ Penangguhan bayaran serta pilihan lain termasuk pengurangan ansuran untuk membantu mengurus hutang keseluruhan selaras dengan kemampuan anda; dan</li> <li>○ Sokongan pembangunan, pendidikan dan khidmat nasihat untuk membantu anda mengurus kewangan agar lebih berdaya tahan.</li> </ul> </li> <li>• Pelan ini akan mengambil kira semua tanggungan hutang sedia ada dan jumlah pendapatan yang anda mampu peruntukkan untuk membayar hutang setelah mengambil kira perbelanjaan sara hidup.</li> </ul>
5.	Bolehkah saya mendapatkan pelan kewangan peribadi jika saya hanya memilih pengecualian faedah/keuntungan selama 3 bulan?	Ya, anda akan mendapat manfaat daripada pelan kewangan peribadi yang disediakan secara percuma di bawah pakej bantuan URUS. Pelan ini tersedia walaupun anda hanya memilih pengecualian faedah/keuntungan selama 3 bulan.
6.	Bolehkah saya terus menggunakan kemudahan kredit/pembiayaan dengan bank jika saya menyertai URUS?	Ya, anda boleh terus menggunakan kemudahan kredit/pembiayaan yang belum digunakan.
<b>B) Permohonan</b>		
7.	Bilakah boleh saya memohon untuk menyertai URUS?	Permohonan untuk menyertai URUS dibuka mulai <b>15 November 2021 sehingga 31 Januari 2022.</b>
8.	Bagaimanakah cara memohon untuk menyertai URUS jika saya mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan <b>satu bank</b> sahaja?	Jika anda mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan satu bank sahaja, anda perlu <b>memohon terus kepada bank</b> anda dengan mengisi borang permohonan URUS.
9.	Bagaimanakah cara memohon untuk menyertai	Jika anda mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan lebih daripada satu bank, anda perlu memohon dengan

No	Soalan	Jawapan
	URUS jika saya mempunyai pinjaman/pembiayaan dengan <b>lebih daripada satu bank</b> ?	mengisi borang permohonan URUS melalui <b>salah satu bank</b> yang mana anda mempunyai <b>pinjaman/pembiayaan berbayar</b> dan yang <b>berada di bawah program bantuan bayaran balik</b> .
10.	Perluakah saya menyenaraikan semua pinjaman/pembiayaan saya dalam borang permohonan URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebaiknya, anda perlu menyenaraikan <b>semua pinjaman/pembiayaan anda</b> semasa permohonan.</li> <li>● Ini akan membolehkan AKPK menggabungkan perincian pinjaman/pembiayaan anda antara bank dan membentuk pelan bantuan bayaran balik yang holistik dan wajar berdasarkan kemampuan anda.</li> </ul>
11.	Apakah <b>dokumen</b> yang diperlukan untuk permohonan menyertai URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dokumen pendapatan diperlukan untuk menghasilkan <b>pelan kewangan peribadi</b> yang menyeluruh berdasarkan pendapatan dan hutang anda.</li> <li>● Bagi tujuan ini, anda perlu mengemukakan salah <b>SATU</b> daripada dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ penyata KWSP; ATAU</li> <li>○ penyata bank; ATAU</li> <li>○ borang cukai pendapatan; ATAU</li> <li>○ Slip gaji/baucar bayaran; ATAU</li> <li>○ Surat pemberhentian kerja daripada majikan terakhir.</li> </ul> </li> <li>● Dokumen ini mestilah dokumen terkini yang menunjukkan pendapatan semasa atau status pekerjaan anda.</li> <li>● Jika tiada, rujuk bank anda untuk mengetahui dokumen lain yang boleh diterima sebagai bukti kelayakan anda.</li> </ul>
12.	Apakah yang akan berlaku setelah permohonan URUS dihantar kepada bank dan bagaimanakah boleh saya dapatkan <b>pengesahan</b> mengenai status permohonan saya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pihak bank akan menghantar pemberitahuan serta merta bahawa permohonan anda telah diterima.</li> <li>● Sekiranya anda layak menyertai URUS, AKPK akan menghubungi anda melalui e-mel bersama <b>pelan kewangan peribadi (PKP)</b> dalam masa <b>10 hari bekerja</b> dari tarikh pemberitahuan penerimaan permohonan anda oleh pihak bank.</li> <li>● PKP ini meliputi semua pinjaman/pembiayaan yang layak kecuali Sewa Beli kerana ia tertakluk kepada syarat-syarat perundangan tertentu di bawah Akta Sewa Beli. Untuk Sewa Beli, pihak bank akan memaklumkan sendiri butiran terma bayaran balik kepada anda.</li> <li>● Sekiranya anda tidak layak untuk menyertai URUS, pihak bank akan memaklumkan anda dalam masa 5</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan
		hari bekerja dari tarikh pemberitahuan penerimaan permohonan anda oleh pihak bank. Anda boleh berbincang dengan pihak bank untuk penyelesaian alternatif.
13.	Adakah rekod kredit (CCRIS) saya akan terkesan jika saya menerima bantuan di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun pinjaman/pembiayaan di bawah URUS akan dikenal pasti dalam laporan kredit Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS). Ini akan memudahkan usaha susulan dan pemantauan oleh pihak AKPK dan bank untuk memberikan sebarang sokongan lanjut yang mungkin anda perlukan.</li> <li>• Pengenalpastian ini akan dikeluarkan setelah program tamat, atau paling awal, 6 bulan dari tarikh penyertaan ke dalam URUS. Dalam tempoh ini, anda akan mendapat sokongan melalui program pendidikan dan khidmat nasihat kewangan, termasuk sebarang bantuan yang diperlukan untuk berurusan dengan bank anda.</li> </ul>
14.	Bolehkah saya memohon pinjaman/pembiayaan baharu jika saya menyertai URUS?	Boleh. Untuk makluman, permohonan pinjaman/pembiayaan baharu adalah tertakluk kepada proses penilaian kredit yang sedia ada oleh pihak bank.
<b>C) Bantuan Bayaran Balik</b>		
15.	Pinjaman/pembiayaan saya masih di bawah PEMULIH pada November 2021. <b>Apakah yang akan berlaku jika saya memohon untuk menyertai URUS?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara amnya, program bantuan bayaran balik semasa anda akan beralih kepada URUS.</li> <li>• Jika anda mahu, anda boleh mengekalkan terma bayaran balik di bawah PEMULIH, dan pelarasan yang sesuai akan dibuat pada terma bayaran balik bagi pengecualian faedah/keuntungan selama 3 bulan, jika layak.</li> <li>• Setelah diluluskan, terma bayaran balik di bawah URUS akan berkuat kuasa mulai bulan berikutnya. AKPK akan mengesahkan perkara ini dengan anda. Namun, jika penyusunan semula yang berbeza diperlukan (contohnya untuk sewa beli), pihak bank akan memaklumkan kepada anda tarikh permulaan alternatif.</li> </ul>
16.	Bagaimanakah <b>pengecualian faedah/keuntungan</b> ini diberikan?	Baki pinjaman/pembiayaan akan diselaraskan untuk menunjukkan pengecualian faedah/keuntungan telah diberikan. Anda boleh merujuk kepada penyata pinjaman/pembiayaan atau menghubungi bank anda untuk membuat semakan.

No	Soalan	Jawapan
17.	Adakah penyertaan saya dalam URUS akan <b>melanjutkan tarikh matang</b> pinjaman/pembiayaan saya?	Ini <b>bergantung</b> kepada pelan kewangan peribadi anda. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika pelan anda melibatkan penangguhan bayaran atau pengurangan ansuran, tarikh matang pinjaman/pembiayaan anda akan dilanjutkan.</li> <li>• Perkara ini boleh dielakkan dengan menghubungi bank anda untuk meningkatkan amaun bayaran balik apabila keadaan kewangan anda sudah bertambah baik.</li> </ul>
18.	Bolehkah saya memohon tempoh bantuan bayaran balik yang <b>lebih pendek daripada 24 bulan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya, bantuan bayaran balik URUS adalah berdasarkan penilaian AKPK terhadap kemampuan anda.</li> <li>• Sebaiknya, anda mempertimbangkan untuk menambah amaun ansuran bulanan anda bila anda mampu. Ini akan membantu mengurangkan kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda.</li> </ul>
19.	Adakah terdapat <b>kos tambahan</b> untuk menyertai URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada kos yang dikenakan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh AKPK, termasuk pelan kewangan peribadi, pendidikan kewangan dan khidmat nasihat yang diberikan kepada anda di bawah URUS.</li> <li>• Walau bagaimanapun, kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda boleh meningkat berbanding dengan terma asal, jika tempoh pinjaman/pembiayaan dilanjutkan, berikutan faedah/keuntungan tambahan yang dikenakan.</li> </ul>
20.	Bolehkah saya <b>keluar</b> lebih awal dari tempoh bantuan bayaran balik 24 bulan di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya, anda boleh keluar daripada URUS jika anda boleh menyambung kembali bayaran balik seperti biasa kepada bank anda.</li> <li>• Anda perlu memaklumkan kepada AKPK jika anda ingin keluar daripada URUS. AKPK akan memaklumkan perkara ini kepada pihak bank.</li> </ul>
21.	Bolehkah saya memohon agar URUS <b>dilanjutkan melebihi 24 bulan?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• URUS menyediakan bantuan bayaran balik sementara sehingga 24 bulan sahaja.</li> <li>• Jika anda memerlukan bantuan lanjut selepas tamat tempoh bantuan bayaran balik 24 bulan di bawah URUS, anda boleh menghubungi bank anda atau AKPK untuk bantuan.</li> </ul>
22.	Di bawah URUS, saya perlu membuat <b>bayaran balik</b> pinjaman/pembiayaan kepada bank atau AKPK?	Di bawah URUS, anda perlu membayar ansuran bayaran balik terus kepada bank anda.

No	Soalan	Jawapan
23.	Apakah yang akan berlaku jika saya <b>gagal</b> membuat bayaran balik semasa dalam tempoh URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya anda gagal membuat bayaran balik di bawah URUS selama 3 bulan berturut-turut, anda tidak dapat meneruskan program ini.</li> <li>• Dalam kes ini, sebaiknya anda menghubungi AKPK untuk membincangkan penyelesaian alternatif seperti menyertai Program Pengurusan Kredit AKPK (PPK).</li> </ul>
24.	Setelah URUS tamat, berapakah amaun bayaran ansuran saya?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara amnya, setelah URUS tamat, anda perlu menyambung kembali bayaran balik seperti biasa.</li> <li>• Sebaiknya, anda mempertimbangkan untuk menambah amaun ansuran bulanan anda bila anda mampu. Ini akan membantu mengurangkan kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda.</li> </ul>
<b>D) Sokongan Pembangunan Ketahanan Kewangan</b>		
25.	Bagaimanakah <b>pelan peribadi kewangan</b> AKPK berfungsi?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk jawapan bagi Soalan 4.</li> <li>• Selain itu, peminjam/pelanggan boleh berhubung dengan Penasihat Kewangan AKPK pada bila-bila masa untuk menyemak semula pelan kewangan peribadi atau mendapatkan nasihat mengenai isu-isu pengurusan kewangan. Penasihat Kewangan AKPK juga akan membantu peminjam/pelanggan berurusan dengan bank berkenaan dengan bayaran balik pinjaman/pembiayaan di bawah URUS.</li> </ul>
26.	Apakah yang saya akan dapat daripada program <b>pendidikan kewangan</b> AKPK?	<p>Anda akan mendapat pendidikan dalam talian secara percuma untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran pengurusan kewangan yang meliputi topik-topik seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menetapkan matlamat kewangan</li> <li>• Pengurusan aliran tunai</li> <li>• Asas pinjaman/pembiayaan</li> <li>• Pengurusan hutang</li> <li>• Pengurusan kekayaan</li> </ul>
27.	Apakah itu <b>Jaringan Sinergi Sosial</b> ?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jaringan Sinergi Sosial ialah usaha sama antara pelbagai agensi yang menyediakan <b>faedah untuk pembangunan</b> ketahanan kewangan</li> <li>• Jaringan ini membolehkan anda mendapatkan bantuan melalui rujukan kepada agensi berkaitan, termasuk peluang untuk menambah pendapatan dan sokongan pembangunan yang lain.</li> <li>• Antara lain, rujukan ini boleh membantu menyediakan peluang pekerjaan, bantuan kewangan,</li> </ul>

No	Soalan	Jawapan
		<p>latihan digital dan platform perniagaan, pendanaan/pembiayaan perniagaan, latihan peningkatan kemahiran dan pemahiran semula, dan juga bantuan sokongan emosi dan nasihat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara agensi yang berada dalam jaringan ini termasuk PERKESO, MDEC, TEKUN dan GIATMARA.</li> </ul>
28.	Bolehkah saya memohon bantuan bayaran balik sahaja dan tidak mengambil program sokongan pembangunan ketahanan kewangan di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• URUS ialah pakej bantuan holistik yang menggabungkan bantuan bayaran balik dan sokongan pembangunan ketahanan kewangan.</li> <li>• Program sokongan pembangunan ketahanan kewangan ialah satu komponen penting dalam URUS untuk membantu anda pulih dan mengekalkan keupayaan membayar balik hutang di samping meningkatkan ketahanan kewangan jangka panjang anda.</li> <li>• Program-program ini serta sokongan khidmat nasihat tersedia untuk semua peminjam/pelanggan yang menyertai URUS dan boleh diakses <b>pada bila-bila masa dan di mana sahaja</b>.</li> </ul>
<b>E) Bantuan Lanjut</b>		
29.	Siapakah yang boleh dihubungi jika saya menghadapi kesulitan ketika berada di bawah URUS?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anda boleh menghubungi bank anda jika anda menghadapi kesulitan ketika berada di bawah URUS.</li> <li>• Sebagai alternatif, anda boleh juga menghubungi AKPK atau BNM di <a href="http://bnm.my/RAsurvey">bnm.my/RAsurvey</a> untuk bantuan tambahan.</li> </ul>
30.	Saya <b>tidak layak menyertai URUS</b> tetapi memerlukan bantuan bayaran balik yang lebih lanjut. Apakah yang perlu saya lakukan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya anda memerlukan bantuan bayaran balik lebih lanjut tetapi tidak layak menyertai URUS, anda masih <b>boleh mendapatkan bantuan daripada bank anda</b>. Anda perlu menghubungi bank anda untuk membincangkan pilihan bayaran balik yang sesuai dengan keperluan dan keadaan kewangan anda.</li> <li>• Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi AKPK untuk khidmat nasihat dan bantuan di bawah pelbagai program AKPK yang sedia ada untuk isi rumah dan PKS, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Program Pengurusan Kredit (PPK)</li> <li>○ Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK)</li> <li>○ Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST)</li> </ul> </li> </ul>

No	Soalan	Jawapan
31.	Apakah itu Program Pengurusan Kredit AKPK (PPK)?	<ul style="list-style-type: none"> <li>● PPK ialah program bayaran balik yang disesuaikan mengikut keperluan dan kemampuan individu. Program ini melibatkan kerjasama antara Penasihat Kewangan AKPK dan individu tersebut untuk membentuk pelan peribadi bayaran balik hutang melalui perundingan dan persetujuan dengan penyedia perkhidmatan kewangan.</li> <li>● PPK disediakan untuk individu yang mempunyai masalah kewangan dan memerlukan bantuan menguruskan hutang mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan yang mengambil bahagian dalam PPK.</li> <li>● Sokongan PPK termasuk bantuan bayaran balik sehingga tempoh matang pinjaman/pembiayaan dan penyatuan semua ansuran bayaran balik untuk dibayar terus kepada AKPK bagi kemudahan peminjam/pelanggan. Untuk butiran lanjut tentang PPK, sila rujuk laman web AKPK melalui pautan ini: <a href="http://www.akpk.org.my/my/faq-ms">www.akpk.org.my/my/faq-ms</a>.</li> </ul>
32.	Apakah itu Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK)?	SPPK ialah perkhidmatan yang ditawarkan oleh AKPK untuk membantu PKS dan perusahaan mikro yang menghadapi masalah pembiayaan perniagaan dengan institusi kewangan melalui penstrukturan semula atau penjadualan semula pembiayaan sedia ada, termasuk pembiayaan dengan lebih daripada satu bank.
33.	Apakah itu Skim Sokongan Ketahanan Kewangan (FIRST)?	<ul style="list-style-type: none"> <li>● FIRST ialah skim bantuan oleh AKPK yang merangkumi ciri-ciri seperti pengurangan ansuran, pelanjutan tempoh pembiayaan dan program sokongan ketahanan kewangan. Ia melengkapi skim penstrukturan semula sedia ada oleh pihak bank.</li> <li>● Peminjam/pelanggan yang memerlukan bantuan bayaran balik selanjutnya hendaklah menghubungi bank mereka untuk membincangkan pilihan bayaran balik yang sesuai dengan keperluan dan keadaan kewangan mereka.</li> </ul>

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)  
 Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)  
 Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (ADFIM)  
 Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)  
 Dikemas kini pada 15 November 2021